

Latihan ini mengandungi 15 soalan. Jawab semua soalan. Kemudian klik FINISH

Praktis Intensif Berformat PT3

Bahagian A

- 1 Apakah yang berlaku pada bumi ketika 650 juta tahun dahulu?
A Tiada hidupan
B Zaman jurasik dan terdapat dinosaur
C Wujud hidupan seperti ikan dan amfibia
D Kepupusan dinosaur dan benua mula terbentuk
- 2 Apakah maksud Zaman Air Batu? **TP1**
A Garis masa yang menunjukkan suhu bumi meningkat
B Garis masa geologi yang menunjukkan suhu bumi menurun
C Garis masa geologi yang menunjukkan iklim bumi sentiasa sejuk
D Garis masa geologi yang menunjukkan berlakunya pencairan air batu
- 3 Apakah faktor peningkatan suhu dunia yang disepakati oleh ahli sains? **TP2**
A Penghasilan suhu panas daripada air laut
B Penghasilan gas oksigen daripada gunung berapi
C Kegiatan pembakaran yang dilakukan oleh manusia
D Pembebasan gas karbon dioksida daripada kenderaan
- 4 Dialog di bawah menunjukkan ciri-ciri tahap zaman air batu. **TP2**

Zaman ini dipercayai berlaku antara 5.3 juta hingga 2.6 juta tahun dahulu.



Dataran tinggi juga terbentuk pada zaman ini seperti di Colorado, Amerika Syarikat.

Apakah tahap Zaman Air Batu yang dimaksudkan?

A Zaman Miosen
B Zaman Pliosen
C Zaman Holosen
D Zaman Pleistosen
- 5 Bagaimanakah keadaan suhu pada Zaman Miosen? **TP2**
A Sejuk
B Panas dan kering
C Sederhana sejuk
D Panas dan lembap
- 6 Apakah kemajuan yang telah diketahui oleh manusia pada Zaman Pleistosen? **TP2**
A Cara membuat api
B Cara mencipta air batu
C Cara mencipta kenderaan
D Cara mendapatkan makanan melalui pertanian
- 7 Apakah binatang yang hidup di kawasan tanah pamah yang sejuk pada Zaman Air Batu Akhir? **TP2**

A 

B 

C 

D 
- 8 Apakah cara hidup manusia pada Zaman Air Batu Akhir? **TP2**
I Hidup secara nomad
II Memburu binatang
III Hidup secara tetap
IV Bercucuk tanam
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

9 Apakah jenis tumbuhan pada Zaman Air Batu Akhir? **TP2**

- I Rumput
- II Pokok-pokok tinggi
- III Hidup secara tetap
- IV Tumbuhan renek yang menjalar
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10 Kawasan yang dibulatkan dalam Peta 1 merupakan Pentas Sunda.



Peta 1

Apakah kepulauan yang berada di atas Pentas Sunda? **TP2**

- I Kepulauan Jawa
- II Kepulauan Borneo
- III Kepulauan Sulawesi
- IV Kepulauan Melayu
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11 Antara berikut, yang manakah benar tentang Pentas Sunda? **TP2**

- A Tunjang kebenuaan di Asia Tenggara
- B Pentas Sunda terbentuk hasil daripada pembentukan salji
- C Kepulauan Sumatera, Jawa dan Sulawesi berada di atas Pentas Sunda
- D Menyebabkan negara-negara di Asia Tenggara mempunyai ciri-ciri fizikal dan hidupan yang tidak sama

12 Antara berikut, binatang Zaman Pleistosen manakah yang telah pupus? **TP2**

- I Sloth
- II Badak
- III Harimau
- IV Harimau bertaring
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13 Apakah yang berlaku kepada manusia pada Zaman Holosen? **TP2**

- I Perlu bergerak mencari makanan siang dan malam
- II Perlu memakai pakaian yang sesuai dengan perubahan iklim
- III Bergerak keluar dari benua Afrika dan secara beransur-ansur mendiami benua Eropah dan benua Asia
- IV Perlu menyesuaikan aktiviti harian dengan perubahan iklim
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14 Peta 2 menunjukkan rupa bentuk Asia Tenggara pada hari ini. Sejarah mengatakan bahawa pembentukan X dipengaruhi oleh aliran sungai.



Peta 2

Apakah X? **TP3**

- A Laut Jawa
- B Teluk Siam
- C Selat Melaka
- D Laut China Selatan

15 Gambar 1 menunjukkan glasier. **TP3**



Gambar 1

Apakah kesan glasier kepada bentuk fizikal bumi?

- A Kewujudan kawasan gunung dan bukit bukau
- B Tanah tinggi terhakis dan kewujudan kawasan tasik
- C Paras air laut meningkat dengan kedalaman 90 meter
- D Membentuk tanah rata dan tasik serta pembentukan pulau